

Bahasa Melayu Negeri Sembilan dan Isu Imperialisme Linguistik

The Negeri Sembilan Malay Language and Linguistic Imperialism Issue

IDRIS AMAN, MOHAMMAD FADZELI JAAFAR & NORSIMAH MAT AWAL

ABSTRAK

Dari sudut sejarah, kawasan yang kini dinamakan Negeri Sembilan selain menerima pengaruh asing seperti Melaka, Johor, Siak, dan Minangkabau, juga memiliki penduduk asal. Bagaimanapun, pengaruh Minangkabau lebih ketara apabila masyarakat di kawasan ini menerima pakai sistem sosial adat perpatih. Kesan kontak itu adalah sering berlaku silap faham tentang Negeri Sembilan kini. Apabila disebut Negeri Sembilan, orang awam terus merujuknya sebagai 'Minang'. Stereotaip ini lebih ketara dalam kes bahasa. Dengan itu, tujuan kajian ini ialah mengenal pasti dan menghuraikan ciri bunyi asli bahasa Negeri Sembilan (BNS) berbanding bahasa Minangkabau (BMkb). Berasaskan tujuan pertama, tujuan kedua ialah merumus dan menjelaskan isu imperialisme linguistik BMkb ke atas BNS. Ciri unik BNS diuji melalui penyebutan 100 perkataan oleh 30 orang informan penutur BNS dan BMkb di Malaysia dan Sumatera. Hasil kajian mendapati 13 (76%) bunyi di pelbagai kedudukan dalam kata adalah unik BNS, dan hanya empat (24%) bunyi yang sama dengan BMkb. Sekurang-kurangnya sembilan daripada 17 ciri fonologi itu pula adalah mirip variasi bahasa Melayu Selatan Semenanjung Tanah Melayu yang meliputi Perak Selatan hingga Johor dan bahasa standard. Dapatan tersebut memperlihatkan bahawa, daripada segi fonologi BNS adalah bebas imperialisme linguistik BMkb. Kalaupun daripada segi sejarahnya dikatakan sebahagian penduduk Negeri Sembilan berasal dari Minangkabau, tetapi setelah lebih 600 tahun, ditambah dengan keterpisahan dengan wilayah asal oleh laut, asimilasi dan integrasi dengan penduduk asal serta wilayah lain di sekitarnya, BNS bangkit dan membentuk identiti linguistik sendiri, khususnya fonologi.

Kata kunci: Bahasa Negeri Sembilan; bahasa Minangkabau; stereotaip; imperialisme linguistik; fonologi

ABSTRACT

Historically, in the area where now known as Negeri Sembilan beside being influenced by foreign neighbours such as Melaka, Johor, Siak, and Minangkabau, there were also native inhabitants. However, the Minangkabau's influence was most dominant when people in that area absorbed perpatih custom of social system. The implication of the contact is there is a misunderstanding about Negeri Sembilan nowadays. Whenever Negeri Sembilan is mentioned, the public simply associate it to Minangkabauese. The stereotype overtly happens in language. As such, this study aims firstly to identify and describe the native sound of Negeri Sembilan Malay language (NSML). Secondly is to synthesis and explain the status of Minangkabau linguistic imperialism notion on NSML. The native sound of NSML is tested with pronouncing of 100 words by 30 informants of NSML and Minangkabau language (ML) speakers in Malaysia and Sumatera. The study found 13 (76%) sounds at various position of word are unique to NSML with only 4 (24%) sounds are similar with ML. Almost 9 out of the 17 sounds are quite similar with Southern Malay Peninsula variation which covers from lower Perak down to Johor and with standard Malay. This findings show that phonologically, NSML is Minangkabau linguistic imperialism free. Even though, from historical background it is mentioned that some of the Negeri Sembilan population originated from Minangkabau of Sumatera, but after more than 600 years, and separated by the sea, and integration with native inhabitants and surrounding areas, NSML has risen and formed its own linguistic identity, especially in phonology.

Keywords: Negeri Sembilan Malay language; Minangkabau language; stereotype; linguistic imperialism; phonology

PENDAHULUAN

Negeri Sembilan adalah negeri di tengah pantai barat Semenanjung Tanah Melayu, terletak di Selatan ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur, dan Selangor. Selat Melaka memisahkannya dengan pulau Sumatera. Daripada segi sejarah, penduduk

asal kawasan yang kini dinamakan Negeri Sembilan ialah orang Temuan¹ (Asmah 1985). Portal rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (2016) pula menyebut suku Temuan dan Jakun² yang tergolong dalam kelompok Melayu Proto (*Proto Malay*). Bukti utama kewujudan penduduk asal di kawasan ini ialah adanya keturunan suku Biduanda dalam sistem

sosial adat perpatih Negeri Sembilan hingga ke hari ini. Suku Biduanda menduduki hierarki utama dan istimewa dalam sistem sosial negeri ini (Abdullah 1975).³ Asmah (1985) mengelompokkan bahasa penduduk asal kawasan ini dalam dialek Melayu Selatan Semenanjung Tanah Melayu yang meliputi kawasan Perak Selatan hingga ke Johor.

Wilayah ini pernah menerima pengaruh budaya asing, seperti Melaka, Johor dan Minangkabau. Pada awal abad ke-15, sebelum kawasan itu dinamakan Negeri Sembilan, kekuasaannya terletak di bawah Kesultanan Melaka, terutama kawasan berhampirannya yang dikenali Sungai Ujong, Klang (kini dalam negeri Selangor), Rembau, dan Nanning (kini sebahagian Melaka) (Rahilah & Nelmawarni 2008). Apabila Melaka dikalahkan Portugis pada 1511, maka kawasan-kawasan tersebut bernaung dan memberikan taat setia pula kepada kesultanan Johor yang baru ditubuhkan. Pada akhir abad ke-17 atau abad ke-18 (Amat Juhari 2002), apabila kesultanan Johor lemah akibat perang berlarutan dengan Jambi, kawasan yang kini dinamakan Negeri Sembilan mengambil peluang melepaskan diri daripada naungan Johor dan membentuk gabungan pemerintahan sendiri.

Tetapi pengaruh luar yang sangat dominan ialah budaya penghijrah Minangkabau, dari Sumatera Barat (kini sebahagian Indonesia) yang digelar oleh Hendon (1966: xi) sebagai *colonists from Sumatra*. Agak sukar menentukan secara pasti bila kedatangan mereka ke Semenanjung Tanah Melayu, tetapi mungkin sejak sebelum tertubuhnya kesultanan Melayu Melaka lagi (Rahilah & Nelmawarni 2008). Namun, menurut de Jong (1952) dan Winstedt (1934), hijrah besar-besaran orang Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu sudah berlangsung pada abad ke-15 atau lebih awal lagi. Kejayaan kerajaan Melaka⁴ pada masa itu memberi rasa aman kepada orang Minangkabau untuk berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu (Reniwati & Ab Razak 2015). Berasaskan sumber Portugis, Hendon (1966) pula mengatakan bahawa orang Minangkabau telah mendiami kawasan pedalaman Melaka yang dinamakan Nanning serta Rembau (sekarang sebahagian Negeri Sembilan) pada awal abad ke-17, manakala Asmah (1985) mengatakan pada abad ke-18.

Jalanan peristiwa sedemikian menyebabkan berlakunya *language and culture contact*, selanjutnya membawa kepada proses asimilasi dan integrasi. Yang paling menonjol ialah adat perpatih Minangkabau diterapkan dan dijadikan

sistem sosial di kawasan ini. Sehingga kini, sebilangan besar penduduk Negeri Sembilan yang dikategorikan ‘Melayu’ masih mengamalkan sistem sosial dan budaya adat perpatih, seperti sistem nilai, kekeluargaan, politik, ekonomi, adat, dan perlapisan (Nordin 1982).

Kesan peristiwa itu, sering wujud salah faham dan kekeliruan tentang Negeri Sembilan kini. Apabila disebut Negeri Sembilan, orang awam terus merujuknya sebagai ‘Minang’. Stereotaip ini lebih ketara dalam kes bahasa. Ada yang beranggapan bahasa Negeri Sembilan (selanjutnya BNS) juga adalah stereotaip bahasa Minangkabau (selanjutnya BMkb). Mohd Pilus (1978:586) misalnya, mencatatkan “dialek Negeri Sembilan yang ada sekarang merupakan satu aspek budaya yang banyak dipengaruhi oleh dialek Minangkabau.” Asmah (1985: 295) menulis “dialek yang meliputi kawasan Negeri Sembilan itu adalah dialek yang dibawa dari Minangkabau.” Reniwati (1990) pula daripada penelitiannya menyimpulkan bahawa terdapat kesamaan sistem fonem antara BMkb dengan BNS. Pada hemat kami, stereotaip ini juga meluas dalam kalangan orang awam di luar Negeri Sembilan. Fenomena sedemikian seolah-olah membayangkan BNS mengalami hegemoni bahasa⁵ Minangkabau atau dalam istilah Winstedt (1934) *Minangkabau colonization*, dan dalam makalah ini dinamakan imperialisme linguistik. Padahal, orang Minangkabau juga terdapat di beberapa kawasan lain Semenanjung Tanah Melayu (Rahilah & Nelmawarni 2008). Malah sesetengahnya masih berbahasa Minangkabau dalam komuniti mereka, seperti di Gombak, Kuang, Ulu Langat, Semenyih dan Beranang, Selangor.⁶ Sedangkan di Negeri Sembilan sendiri, kawasan yang majoriti penduduknya keturunan Minangkabau dan masih menggunakan BMkb hanyalah di Lenggeng (Jamaludin 1999), yang bersempadan dengan Beranang, Selangor.

Benarkah stereotaip demikian? Benarkah BNS⁷ mengalami fenomena imperialisme linguistik BMkb akibat pengaruh budaya Minangkabau yang dominan? Setelah beratus-ratus tahun, atau lebih enam abad (Rahilah Omar & Nelmawarni 2008) tidakkah Negeri Sembilan⁸ kini mempunyai identiti linguistik tersendiri? Kami berpandangan, persoalan ini perlu diselidiki dan dicari jawapan secara saintifik dan empirikal. Justeru makalah ini adalah deskripsi sinkronis berkaitan perkara di atas.

Kajian dan pemerian terhadap BNS telah banyak dilakukan. Daripada semakan literatur,

tidak kurang 25 tulisan tentang bahasa ini ditemui. Paling awal diketahui, bahasa ini diperihal secara linguistik oleh Hendon (1966) yang menjalankan kajian lapangan pada 1951 di Kuala Pilah. Daripada skop, kebanyakan pemerian lepas BNS tergolong dalam dimensi linguistik dan sedikit dalam dimensi linguistik ekstra. Secara statistik, penumpuan kepada huraian dimensi linguistik ialah 88 peratus (22 kajian). Hanya ada tiga atau 12 peratus pemerian lepas yang berkait dengan dimensi linguistik ekstra (Rujuk Lampiran A).

Yang dimaksudkan pemerian dimensi linguistik ialah perbincangan aspek-aspek linguistik semata-mata. Pemerian dimensi linguistik berkenaan dapat disubkategorikan lagi kepada dua, iaitu pemerian khusus dan pemerian bandingan BNS. Pemerian khusus bermaksud penghuraian tentang aspek-aspek BNS sahaja tanpa membandingkan dengan bahasa lain. Huraian khusus berkenaan BNS telah dilakukan dalam tidak kurang 18 tulisan (72%). Pemerian bahasa khusus berkenaan dapat dibahagikan kepada beberapa, iaitu huraian umum (lihat Yeop 1994, Mohd Faiz 1998, Jamaludin 1999), aspek fonologi (lihat Hendon (1966), Sharman (1973), (1974), Mohd Pilus (1978), Yeop (1984), Asmah (1985), Ibrahim & Ibrahim (1990), Arbak (1994), dan Ajid (2002), aspek morfologi (lihat Hendon (1966), aspek leksikal (lihat Yeop (1986) dan Ajid (2002), aspek sintaksis (lihat Ramli (2002), dan aspek semantik (lihat Norsimah & Nur Liyana (2011) dan Norsimah et al. (2014). Berasaskan maklumat di atas, didapati pemerian fonologi paling mendapat perhatian pengkaji-pengkaji. Huraian fonologi secara linguistik BNS yang paling awal yang dapat penulis temui ialah Hendon (1966).

Pemerian bandingan pula adalah penghuraian aspek linguistik BNS yang dibandingkan dengan bahasa lain. Dua bahasa lain yang kerap dibandingkan ialah BMkb dan bahasa Melayu standard. Hanya ada empat (16%) pemerian lampau dalam kategori ini. Pemerian perbandingan dengan BMkb dilakukan oleh Reniwati (1990, 2012), dan Reniwati & Ab Razak (2015). Reniwati (1990) adalah perbandingan aspek fonemik, Reniwati (2012) perbandingan historis leksikal, manakala Reniwati & Ab Razak (2015) adalah perbandingan kata sapaan. Perbandingan dengan bahasa Melayu standard pula ditemui dalam Mohd Pilus (1978) (lihat Lampiran A).

Sebaliknya, pemerian dimensi linguistik ekstra pula bukan sahaja memerihal aspek kebahasaan, malah aspek linguistik berkaitan dilanjutkan bagi memahami aspek bukan linguistik yang relevan.

Antara aspek bukan linguistik yang dipertalikan dengan input linguistik ialah soal perubahan sosial (Idris et al. 2014), budaya (Yeop 1989), dan sikap bahasa (Idris et al. 2015).

Sungguhpun telah agak banyak pemerian lampau tentang BNS serta mencakupi dimensi linguistik, linguistik ekstra dan pelbagai aspek, namun pemerian yang mengkhusus kepada isu imperialisme linguistik tidak ditemui. Dan, walaupun deskripsi fonologi bahasa ini juga telah banyak dilakukan tetapi pemerriannya adalah daripada dimensi linguistik semata-mata. Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini pula adalah pemerian dimensi linguistik ekstra juga yang turut membuat perbandingan dengan BMkb. Tetapi 'ekstra' dalam hal ini bermaksud mengaitkan ciri linguistik dengan isu imperialisme linguistik bahasa ini. Perbandingan dengan BMkb perlu dilakukan kerana sifat unik sesuatu entiti lebih terserlah apabila dapat dibandingkan dengan bahasa yang kerap dikaitkan dengannya. Makalah ini menjadikan aspek unik fonologi sebagai asas menjelaskan persoalan ini.⁹ Ini kerana difahami bahawa fonologi merupakan unsur linguistik yang paling munasabah memperlihatkan kevariasian atau kelainan bahasa (Labov 1972; Trudgill 1974; Asmah 1985) serta lebih praktis (Milroy 1987).

Secara khusus, kajian ini ada dua tujuan. Pertama ialah mengenal pasti dan menghuraikan ciri unik asli fonologi BNS. Kedua ialah merumus dan menjelaskan status gagasan imperialisme linguistik ke atas BNS. Hipotesis kajian ini ialah (a) BNS memiliki ciri fonologi tertentu yang tersendiri berbanding BMkb, (b) berdasarkan ciri fonologi, BNS adalah 'bebas imperialisme' BMkb.

KERANGKA KAJIAN

Makalah ini adalah penyelidikan sosiolinguistik yang berkaitan gagasan 'imperialisme linguistik' dengan menjadikan BNS sebagai *subject matter* dan BMkb sebagai bandingannya. Sebagai kajian sosiolinguistik, maka ia memerlukan penelitian lapangan dengan melibatkan penutur bahasa berkenaan sebagai informan (lihat Idris et al. 2016). Asas penelitian adalah untuk pengujian dan pengesahan aspek sebutan (fonologi).

INFORMAN

Bagi mencapai objektif kajian, tiga kategori informan dilibatkan, iaitu penutur BNS, penutur BMkb di Malaysia, dan penutur BMkb di daerah asalnya – Sumatera Barat. Informan yang dipilih adalah berkriteria pemastautin tetap, lelaki dan perempuan di kawasan berkenaan dan berusia 40 tahun ke atas. Sebilangan 30 informan diperoleh berpandukan kriteria yang dinyatakan di atas. Pecahan informan mengikut kategori masing-masing ialah 15 orang penutur BNS dan 15 penutur BMkb (7 Minangkabau Malaysia; 8 Minangkabau Sumatera). Berasaskan objektif kajian ini, bilangan informan tidak perlu banyak kerana penelitian ini mementingkan penggunaan bahasa sebenar. Chambers & Trudgill (1980) menyebut bahawa dengan memperkirakan saiz kawasan survei dan objektif kajian, angka minimum informan yang wajar ialah 25. Tambahan pula, unit linguistik yang diuji sebut yang muncul beberapa kali (rujuk Jadual 1) boleh memantapkan kajian seperti dinyatakan Chambers & Trudgill (1980). Penggunaan bahasa sebenar itu kemudian diuji mengikut hipotesis.

Informan BNS diperoleh dari kampung sekitar Seri Menanti, Tanjung Ipoh, dan Batu Kikir, di daerah Kuala Pilah dan sekitar Seberang Batu Hampar dan Tanah Datar di daerah Rembau. Informan BMkb di Malaysia pula diperoleh daripada informan di Beranang, Selangor dan kampung yang bersempadan dengannya di Negeri Sembilan, iaitu Kampung Dacing, Lenggeng. Informan BMkb Sumatera diperoleh di Paya Kumbuh, Bukit Tinggi dan Padang, Sumatera Barat, Indonesia.

DATA BAHASA

Pembuktian hipotesis dilakukan melalui penggunaan variabel linguistik sebenar oleh informan dalam gaya sebut daftar kata.¹⁰ Daftar kata dibina berasaskan daftar kata Swadesh terkini (1971) (Wikipedia). Daftar kata Swadesh tersebut yang mempunyai 100 kata diterjemahkan ke bahasa Melayu standard tetapi dengan inovasi secara menggantikan beberapa kata dengan kata yang mempunyai bunyi unik BNS berasaskan Idris et al. (2015). Daftar kata ini dimanfaatkan bagi menguji dan mensahihkan aspek sebutan. Informan diminta menyebut kata-kata yang disenaraikan satu demi satu dalam bahasa masing-masing, iaitu BNS atau Minangkabau (Lampiran B).

PROSES PENELITIAN

Proses penelitian dimulakan dengan perkenalan lazim yang santai dan pernyataan hasrat. Kemudian, peneliti meminta informan menyebut dalam bahasa mereka sendiri daftar kata. Penggunaan bahasa sebenar tersebut dirakam secara audio. Pemerolehan dan temu bual informan dikendalikan oleh pengkaji-pengkaji sendiri dengan dibantu oleh pembantu penyelidik siswazah linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bagi informan BMkb, penyelidik turut dibantu oleh calon doktor falsafah linguistik Universiti Kebangsaan Malaysia berasal dari Padang, Sumatera yang merupakan penutur bahasa tersebut. Beliau dilantik sebagai perunding BMkb penyelidikan ini. Sesi bersama setiap informan berlangsung antara 15-20 minit.

PROSEDUR ANALISIS

Analisis data bermula dengan mendengar penggunaan bahasa setiap informan daripada rakaman. Jadual kod sebutan (Lampiran C) disediakan masing-masing untuk tiga kategori informan bagi memudahkan pengkodan realisasi sebutan setiap informan. Satu sebutan norma (N) bagi setiap dialek dikenal pasti melalui pengamatan terhadap data dan literatur. Semasa proses pendengaran, sebutan norma ditandai /, manakala sebutan bukan norma (B) ditandai 0 di dalam borang kod. Bunyi bukan norma turut ditranskripsi di dalam borang. Kemudian subkelompok pola realisasi fonologi daftar tersebut dikenal pasti. Pola sesuatu realisasi bunyi dikira berasaskan regulariti. Selanjutnya, analisis perbandingan pola sebutan antara dialek dikendalikan dan dibincangkan. Setiap analisis data yang melibatkan BMkb, konsultasi dengan perunding BMkb dilakukan.

GAGASAN IMPERIALISME LINGUISTIK

Seperti dinyatakan di atas, tujuan kedua makalah ini ialah merumus dan menjelaskan status imperialisme¹¹ linguistik ke atas BNS daripada dimensi ciri fonologi. Makalah ini menerapkan gagasan itu yang dikemukakan oleh Robert Phillipson - seorang sarjana linguistik terapan dalam dua bukunya yang dihasilkan pada 1992 dan 2010. Imperialisme linguistik adalah suatu gagasan yang merujuk pengalihan satu bahasa dominan kepada

manusia lain. Pada zaman dahulu, pengalihan tersebut memerlukan kuasa ketenteraan, tetapi pada zaman moden, pengalihan berlaku melalui kuasa ekonomi. Oleh sebab bahasa adalah sebahagian kebudayaan, maka imperialisme linguistik selalunya dimanifestasikan dalam konteks imperialisme budaya juga. Selain itu, aspek budaya yang dominan lazimnya juga dipindahkan melalui bahasa.

Gagasan imperialisme linguistik Phillipson berlandaskan notasi teori sosial hegemoni budaya. Tema utama teori Phillipson adalah proses hegemoni kompleks yang didukung oleh kedudukan dominan bahasa Inggeris di dunia ketika ini. Beliau menganalisis retorik pihak British Council dalam mempromosi bahasa Inggeris ke serata dunia. Teori ini mengulas sejarah penyebaran dan kedominanan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan peranan pengajaran bahasa berkenaan yang berlatar-belakangkan era pascakolonial, terutama di negara-negara berbahasa Inggeris utama (Britain, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, dan New Zealand) dan di negara pinggir bahasa Inggeris, seperti India, Nigeria serta Scandinavia. Beliau menyifatkan imperialisme linguistik bahasa Inggeris sebagai *the dominance of English is asserted and maintained by the establishment and continuous reconstruction of structural and cultural inequalities between English and other languages* (Phillipson 1992: 47). Beliau juga menyifatkan imperialisme linguistik bahasa Inggeris sebagai suatu contoh *linguicism*, apabila ideologi, struktur, dan amalan-amalan dilakukan untuk mengabsahkan, mengesankan, dan menggembeleng semula pembahagian kuasa dan sumber yang tak seimbang di antara kelompok-kelompok yang didefinisikan berasaskan bahasa (Phillipson 1992). Pun begitu, makalah ini menerapkan gagasan tersebut secara longgar.

DAPATAN

CIRI UNIK FONOLOGI BNS

Daripada 100 patah kata yang diinovasi berasaskan daftar kata Swadesh, kajian ini mengenal pasti kewujudan 17 pola sebutan yang relevan dengan tujuan pertama kajian. Kerelevanan itu dilihat daripada keunikan dan keaslian ciri fonologi BNS yang disimpulkan melalui kosa ilmu, analisis data tersebut, serta bandingan dengan BMkb. Secara pecahan, 10 ialah pola bunyi vokal dan tujuh adalah pola bunyi konsonan. Penemuan ini bermaksud,

inilah ciri unik fonologi BNS. Ciri unik fonologi yang menjadi identiti BNS berkenaan pada kedudukan tertentu dalam kata adalah seperti berikut:

1. vokal belakang separuh rendah [ɔ] di akhir kata, cth. [namɔ]
2. vokal belakang separuh rendah [ɔ] di awal kata, cth. [ɔʏaŋ]
3. vokal belakang separuh rendah [ɔ] di suku kata awal terbuka, cth. [kɔʏeŋ]
4. vokal depan separuh rendah [ɛ] di akhir kata tertutup, cth. [ɔmpɛʔ]
5. vokal belakang separuh tinggi [o] pada kata berakhir konsonan gigi gusi tak bersuara [t], cth. [mulot]
6. vokal belakang separuh tinggi [o] pada kata berakhir konsonan sengau lelangit lembut bersuara [ŋ], cth. [kampoŋ]
7. vokal depan separuh tinggi [e] di akhir kata terbuka, cth. [bibe]
8. vokal depan separuh tinggi [e] pada kata berakhir konsonan sengau lelangit lembut bersuara [ŋ], cth. [ʏanteŋ]
9. vokal belakang separuh rendah [ɔ] pada kata berakhir konsonan geseran glotis tak bersuara [h], cth. [bunɔh]
10. vokal depan separuh rendah [ɛ] pada kata berakhir konsonan geseran glotis tak bersuara [h], cth. [bɔneɪh]
11. konsonan geseran glotis tak bersuara [h] pada akhir kata yang didahului vokal depan separuh rendah [ɛ] atau vokal depan tinggi [i], cth. [lɔpeh], [nipih]
12. Konsonan geseran glotis tak suara [h] pada akhir kata dengan sisipan separuh vokal [y] yang didahului vokal belakang tinggi [u], cth. [ʏɔbuʔh]
13. konsonan geseran lelangit lembut bersuara [ʏ] di awal kata, cth. [ʏamay]
14. ketakwujudan konsonan getaran gigi gusi [r] di akhir kata, cth. [tɔlo]
15. konsonan glotis [ʔ] di akhir kata yang didahului vokal depan separuh rendah [ɛ], cth. [ɔmpɛʔ]
16. kewujudan konsonan letupan gusi tak bersuara [t] di akhir kata yang didahului vokal depan separuh tinggi [e], cth. [kulet]
17. ketakwujudan konsonan geseran glotis tak bersuara [h] di awal kata, cth. [idoŋ]

Selanjutnya, 17 bunyi unik Negeri Sembilan tersebut mengikut bilangan kata uji dan kadar sebutannya dipaparkan dalam Jadual 1. Melalui uji sebut yang dijalankan, pada keseluruhannya,

peratus penyebutan ciri asli unik berkenaan adalah tinggi, dengan yang paling rendah pun adalah 89%, iaitu pada hanya satu ciri fonologi. 16 ciri fonologi lain adalah melebihi 90% dibunyikan dengan ciri unik bahasa tersebut dengan sembilan daripadanya adalah 100%. Ketinggian peratus penyebutan ciri bunyi unik tersebut menandakan serta mengesahkan keaslian dan identitinya. Adanya penyebutan yang tidak 100% berciri asli adalah kerana terdapat

informan yang menuturkannya sebagaimana bahasa Melayu standard.

Berikut dihuraikan penggunaan bunyi asli dan tersendiri BNS tersebut. Asas huraian ciri unik ini adalah secara perbandingan dengan BMkb (rujuk lajur B Jadual 1). Tulisan ini menggembeleng kurung segi [] bagi transkripsi bunyi sebagaimana diamalkan oleh Fromkin, Rodman & Hyams (2007), Yule (1996), dan Trudgill (1974).

JADUAL 1. Perbandingan Ciri Fonologi Unik BNS dengan BMkb mengikut Kedudukan dalam Kata

A				B	C
Bahasa Negeri Sembilan (BNS)		Bil. Kata	Kadar disebut	Bahasa Minangkabau (BMkb)	Status
Vokal				Vokal	
a	Vokal belakang separuh rendah [ɔ] di akhir kata. Cth: [namɔ]	8	119 (99)	Vokal belakang separuh tinggi [o] di akhir kata. Cth: [namo]	Tak sama
b	Vokal belakang separuh rendah [ɔ] di awal kata. Cth: [ɔʏaŋ]	1	14 (93)	Vokal belakang tinggi [u] di awal kata. Cth: [uraŋ]	Tak sama
c	Vokal belakang separuh rendah [ɔ] di suku kata awal terbuka. Cth: [kɔʏeŋ]	27	361 (89)	Vokal depan rendah [a] di suku kata awal terbuka. Cth: [kariʏaŋ]	Tak sama
d	Vokal depan separuh rendah [ɛ] di akhir kata tertutup. Cth: [ɔmpɛʔ]	9	131 (97)	Vokal depan separuh rendah /ɛ/ di akhir kata tertutup. Cth: [ampeʔ]	Sama
e	Vokal belakang separuh tinggi [o] pada kata berakhir konsonan gigi gusi tak bersuara [t]. Cth: [mulot]	5	75 (100)	Diftong [ui] dan diakhiri glotis [ʔ]. Cth: [muluiʔ]	Tak sama
f	Vokal belakang separuh tinggi [o] pada kata berakhir konsonan sengau langit lembut bersuara [ŋ]. Cth: [kampon]	6	89 (99)	Vokal belakang tinggi [u] pada akhir kata dengan sisipan separa vokal [w] diikuti vokal depan rendah [a]. Cth: [kampuʷaŋ]	Tak sama
g	Vokal depan separuh tinggi [e] di kata akhir terbuka. Cth: [bibe]	4	60 (100)	Vokal depan tinggi [i] diikuti sisipan separa vokal [ʏ] dan vokal depan rendah [a]. Cth: [bibiʏa]	Tak sama
h	Vokal depan separuh tinggi [e] pada kata berakhir konsonan sengau langit lembut bersuara [ŋ]. Cth: [ɣanteŋ]	5	75 (100)	Vokal depan tinggi [i] pada akhir kata dengan sisipan separa vokal [ʏ] diikuti vokal depan rendah [a]. Cth: [rantiʏaŋ]	Tak sama
i	Vokal belakang separuh rendah [ɔ] pada kata berakhir konsonan geseran glotis tak bersuara [h]. Cth: [bunɔh]	2	30 (100)	Vokal belakang tinggi [u] pada kata berakhir [h] dengan sisipan separa vokal [w] diikuti vokal depan rendah [a]. Cth: [bunuʷah]	Tak sama
j	Vokal depan separuh rendah [ɛ] pada kata berakhir konsonan geseran glotis tak bersuara [h]. Cth: [bɔneh]	2	30 (100)	Vokal depan tinggi [i] pada kata berakhir geseran glotis [h] dengan sisipan separa vokal [ʏ] diikuti vokal depan rendah [a]. Cth: [baniʏah]	Tak sama
Konsonan				Konsonan	
k	Konsonan geseran glotis tak suara [h] pada akhir kata yang didahului vokal depan separa rendah [ɛ] atau vokal depan tinggi [i]. Cth: [lopeh], [nipih]	5	71 (95)	Konsonan geseran glotis tak bersuara [h] pada akhir kata yang didahului vokal depan separa rendah /ɛ/. Cth: [lapeh]	Sama
l	Konsonan geseran glotis tak suara [h] pada akhir kata dengan sisipan separa vokal [y] yang didahului vokal belakang tinggi [u]. Cth: [yɔbuʏh]	3	45 (100)	Konsonan geseran glotis tak bersuara [h] pada akhir kata dengan sisipan separa vokal [ʏ] dan vokal depan tinggi [i]. Cth: [abuʏh]	Tak sama
m	Konsonan geseran langit lembut bersuara [ɣ] di awal kata. Cth: [ɣamay]	4	60 (100)	Konsonan getaran gigi gusi bersuara [r] di awal kata. Cth: [rame]	Tak sama

n	Ketakwujudan konsonan getaran gigi gusi [r] di akhir kata. Cth: [tɔlo], [bibe]	11	162 (98)	Ketakwujudan konsonan getaran gigi gusi [r] di akhir kata, tetapi mempunyai vokal depan rendah [a] serta sisipan [w] atau [ʏ]. Cth: [taluw̥a]	Tak sama
o	Konsonan glotis [ʔ] di akhir kata yang didahului vokal depan separuh rendah [ɛ]. Cth: [ɔmpɛʔ]	5	75 (100)	Konsonan glotis [ʔ] di akhir kata yang didahului vokal depan separuh rendah [ɛ]. Cth: [ampɛʔ]	Sama
p	Kewujudan konsonan letupan gusi tak bersuara [t] di akhir kata yang didahului vokal depan separuh tinggi [e]. Cth: [kulet]	2	30 (100)	Ketakwujudan konsonan letupan gusi tak bersuara [t] di akhir kata, tetapi wujud glotis [ʔ] yang didahului vokal depan tinggi [i]. Cth: [kuliʔ]	Tak sama
q	Ketakwujudan konsonan geseran glotis tak bersuara [h] di awal kata. Cth: [idoŋ]	5	69 (92)	Ketakwujudan konsonan geseran glotis tak bersuara [h] di awal kata. Cth: [iduʷaŋ]	Sama
Jumlah				Tak sama Sama	13 (76) 4 (24)

- Nombor dalam parentesis () adalah nilai peratus.

a. Vokal belakang separuh rendah [ɔ] di akhir kata

Salah satu ciri unik BNS berbanding BMkb ialah adanya kata-kata yang diakhiri dengan bunyi vokal belakang separuh rendah [ɔ]. Melalui daftar kata ujian, ada lapan kata tergolong dalam ciri ini. Berikut adalah sebahagiannya.

BNS	BMkb	
apɔ	apo	'apa'
duwɔ	duo	'dua'
kɔpalo	kapalo	'kepala'
mato	mato	'mata'
namɔ	namo	'nama'

Maknanya, secara bandingan, kata-kata bahasa Melayu standard tulisan yang berakhir dengan /a/, dalam BNS direalisasikan sebagai vokal [ɔ]. Ujian sebutan yang dilakukan ini mendapati 99% informan menyebutnya demikian (119 kemunculan).

Berlainan dengan BMkb, vokal pada kedudukan tersebut direalisasikan sebagai vokal belakang separuh tinggi [o]. Dengan demikian, misalnya kata *nama*, dalam BNS disebut [namɔ], manakala dalam BMkb disebut [namo].

b. Vokal belakang separuh rendah [ɔ] di awal kata

Vokal belakang separuh rendah [ɔ] juga wujud di awal kata bahasa ini, seperti [ɔmbaʔ] 'ombak', [ɔlɛʔ] 'olek', dan [ɔtaʔ] 'otak'. Bagaimanapun di dalam daftar kata ujian hanya ada satu kata berciri ini, iaitu [ɔʏaŋ] 'orang'. Ciri fonologi ini disebut sebanyak 93% oleh informan. Ini bermakna secara bandingan, kata tulisan bahasa Melayu standard yang diawali vokal belakang separuh tinggi [o],

dalam BNS direalisasikan dengan vokal belakang separuh rendah [ɔ]. Berbeza dengan BMkb, bunyi vokal pada kedudukan yang sama direalisasikan sebagai vokal belakang tinggi [u]. Dengan demikian, kata *orang* disebut [uraŋ].

c. Vokal belakang separuh rendah [ɔ] di suku kata awal terbuka

BNS juga memperlihatkan kehadiran vokal belakang separuh rendah [ɔ] di suku kata awal terbuka. Dalam daftar kata ujian ini, ada 27 kata yang termasuk dalam kategori ini. Sebanyak 89% (361 kali) disebut dengan ciri vokal [ɔ]. Ini bermakna, secara bandingan, kata tulisan bahasa Melayu standard yang pada kedudukan sama adalah bunyi *schwa* atau [ə], di dalam BNS direalisasikan sebagai [ɔ]. Misalnya *lemang* dan *beras* disebut [lɔmaŋ] dan [bɔʏɛh].

Berbeza dengan BMkb, vokal pada kedudukan yang sama dalam kata-kata tersebut direalisasikan sebagai vokal depan rendah [a]. Dengan demikian, kata *lemang* dan *beras* masing-masing dalam BMkb disebut [lamaŋ] dan [bareh]. Contohnya:

BNS	BMkb	
bɔʏɔnaŋ	baranaŋ	'berenang'
bɔʏɛh	bareh	'beras'
bɔneɛh	baneah	'benih'
cɔpɛʔ	capeʔ	'cepat'
ʏɔbuʷh	abuʷh	'rebus'
kɔciʔ	kaciʷaʔ	'kecil'
kɔʏeŋ	kariyaŋ	'kering'
lɔlaki	-na-	'lelaki'
lɔmaŋ	lamaŋ	'lemang'
pɔʏot	paruʷiʔ	'perut'

səbət	sabuʔiʔ	‘sebut’
səʃoʔ	sajuʔaʔ	‘sejuk’
təyɔbən	tabən	‘terbang’
təlo	taluwa	‘telur’

- d. Vokal depan separuh rendah [ɛ] di akhir kata tertutup

Kajian ini turut menemui kehadiran vokal depan separuh rendah [ɛ] pada akhir kata tertutup dalam BNS. Melalui sembilan kata berkaitan yang ada dalam daftar uji didapati 97% (131 kali) vokal tersebut pada kedudukan akhir kata tertutup dibunyikan sedemikian. Ini bermaksud, vokal depan rendah [a] dalam bahasa Melayu standard tulisan pada kedudukan yang sama direalisasikan sebagai [ɛ] dalam bahasa ini. Bunyi ini pada kedudukan yang sama juga didapati berlaku pada BMkb. Ini adalah persamaan ciri fonologi pertama antara kedua-dua bahasa. Berikut ialah contohnya dalam kedua-dua bahasa.

BNS	BMkb	
cəpɛʔ	capɛʔ	‘cepat’
ɔmpɛʔ	ampɛʔ	‘empat’
kipeh	kipeh	‘kipas’
ləkeh	lakeh	‘lekas’
paneh	paneh	‘panas’
sompɛʔ	-na- (kalɛʔ)	‘sempat’

- e. Vokal belakang separuh tinggi [o] pada kata berakhir konsonan gigi gusi tak bersuara [t]

Dalam bahasa Melayu standard tulisan, kata berakhir dengan konsonan gigi gusi tak bersuara [t], bunyi sebelumnya adalah vokal belakang tinggi [u]. Tetapi bagi BNS, bunyi berkaitan direalisasikan sebagai vokal belakang separuh tinggi [o]. Ini dibuktikan daripada lima kata berkaitan yang muncul dalam daftar ujian. Bunyi ini dilafazkan sebanyak 100% (75 kemunculan) sebagai [o].

BNS	BMkb	
yambot	rambuiʔ	‘rambut’
lutot	lutuiʔ	‘lutut’
səbət	sabuiʔ	‘sebut’
mulot	muluiʔ	‘mulut’
pəyot	paruiʔ	‘perut’

Berlainan pula dengan BMkb, bunyi pada kedudukan sama dalam kata-kata yang diuji ialah diftong [ui] dan diakhiri dengan glotis [ʔ] dan bukannya [t]. Dengan demikian, kata *mulut*

misalnya, yang dalam BNS disebut [mulot], dalam BMkb disebut [muluiʔ]. Lihat juga Reniwati (1990).

- f. Vokal belakang separuh tinggi [o] pada kata berakhir konsonan sengau lelangit lembut bersuara [ŋ]

Vokal belakang separuh tinggi [o] juga berlaku pada kata-kata berakhir konsonan sengau lelangit lembut [ŋ] di dalam BNS. Misalnya ialah dalam kata [kamponŋ] ‘kampung’. Dalam uji sebut yang dijalankan, 99% (89 kali) informan daripada 6 kata membunyikan sedemikian. Sebagai bandingan, dalam tulisan bahasa Melayu standard, fonem pada kedudukan sama ialah vokal belakang tinggi [u].

BNS	BMkb	
kamponŋ	kampuʔaŋ	‘kampung’
idoŋ	iduʔaŋ	‘hidung’
gantŋ	gantuʔaŋ	‘gantung’
buŋ	buruʔaŋ	‘burung’
janŋ	jantuʔaŋ	‘jantung’

Berlainan dengan BMkb, bunyi pada kedudukan yang sama ialah vokal belakang tinggi [u] tetapi dengan sisipan separa vokal [w] diikuti vokal depan rendah [a]. Dengan itu, kata *kampung* dan *hidung* masing-masing disebut [kampuʔaŋ] dan [iduʔaŋ].¹²

- g. Vokal depan separuh tinggi [e] di kata akhir terbuka

BNS memperlihatkan kewujudan kata-kata yang berakhir dengan vokal depan separuh tinggi [e] di kata akhir terbuka, seperti [bibe] ‘bibir’. Dalam daftar kata uji kajian ini, ada 3 kata kategori ini dan disebut 100% (45 kemunculan) dengan [e]. Sebagai bandingan, kata yang berakhir dengan gugusan [ir] dalam sistem tulisan bahasa Melayu standard, direalisasikan dengan [e] sahaja dalam BNS.

Tetapi berlainan dengan BMkb, gugusan [ir] dalam tulisan bahasa Melayu standard itu direalisasikan dengan vokal depan tinggi [i], diikuti sisipan separa vokal [ʏ] dan diakhiri vokal depan rendah [a]. Dengan demikian, *bibir* disebut [bibiʔa]. Berikut ialah contoh berkaitan bagi kedua-dua bahasa.

BNS	BMkb	
ae	aiʔa	‘air’
bibe	bibiʔa	‘bibir’
pase	pasiʔa	‘pasir’

- h. Vokal depan separuh tinggi [e] pada kata berakhir konsonan sengau lelangit lembut suara [ŋ]

Bahasa ini turut memperlihatkan kewujudan vokal depan separuh tinggi [e] pada kata-kata berakhir konsonan sengau lelangit lembut suara [ŋ]. Contohnya ialah [ɣantɛŋ] ‘ranting’ dan [dageŋ] ‘daging’. Dalam daftar kata uji, ada lima kata yang berciri begini. Bunyi tersebut pada kelima-lima kata itu 100% disebut dengan [e] oleh semua informan. Dalam erti kata lain, kata-kata yang dieja dengan fonem /i/ dalam tulisan bahasa Melayu standard pada kedudukan tersebut, direalisasikan sebagai vokal depan separuh tinggi [e] dalam BNS. Berikut ialah kata-kata berkenaan.

BNS	BMkb	
anjɛŋ	anjɪʔaŋ	‘anjing’
bayɛŋ	bariʔaŋ	‘baring’
dageŋ	dagiʔaŋ	‘daging’
ɣantɛŋ	rantiʔaŋ	‘ranting’
kunɛŋ	kuniʔaŋ	‘kuning’

Bagaimanapun, bagi BMkb, bunyi pada kedudukan sama disebut dengan vokal depan tinggi [i] dengan sisipan separa vokal [ʔ] dan diikuti vokal depan rendah [a]. Contoh dapat dilihat pada senarai di atas.

- i. Vokal belakang separuh rendah [ɔ] pada kata berakhir konsonan geseran glotis tak bersuara [h]

Vokal belakang separa rendah [ɔ] turut ditemui sebelum konsonan geseran glotis tak bersuara [h] di akhir kata, seperti [pɔnɔh] ‘penuh’. Maknanya, jika dalam sistem tulisan bahasa Melayu standard, kata-kata yang berakhir fonem [h], fonem sebelumnya adalah [u], tetapi dalam BNS yang diuji ini, bunyi itu direalisasikan sebagai vokal belakang separuh rendah [ɔ]. Dalam senarai kata uji, hanya ada dua kata berciri ini, bagaimanapun 100% (30 kemunculan) dilafazkan dengan ciri fonologi tersebut.

BNS	BMkb	
bunɔh	bunuʔah	‘bunuh’
pɔnɔh	panuʔah	‘penuh’

Walau bagaimanapun, ciri fonologi begini tidak wujud dalam BMkb. Sebaliknya, dalam BMkb, yang berlaku ialah kehadiran vokal belakang tinggi [u] dengan sisipan separa vokal [w] diikuti dengan vokal hadapan rendah [a],¹³ seperti daftar di atas.

- j. Vokal depan separuh rendah [ɛ] pada kata berakhir konsonan geseran glotis tak bersuara [h]

Dalam sistem tulisan bahasa Melayu standard, wujud fonem /i/ pada kata yang berakhir dengan konsonan geseran glotis tak bersuara [h], seperti *benih*. Tetapi dalam sebutan BNS, fonem tersebut direalisasikan sebagai vokal hadapan separa rendah [ɛ], seperti [bɔnɛh]. Hanya ada satu kata berciri ini dalam daftar uji yang dibina dengan 100% (15 kali) disebut [ɛ]. Terdapat kesejajaran saiz bukaan alat artikulasi dengan bunyi vokal suku kata awalnya, iaitu vokal belakang [ɔ]. Kedua-dua [ɔ] dan [ɛ] adalah vokal separa rendah. Ini berbeza dengan kata *putih* misalnya, yang disebut [putɛh], dan bukannya *[putɛh]. Ini kerana [u] dan [ɛ] tidak sejajar daripada segi saiz bukaan alat artikulasi.¹⁴ Masing-masing adalah vokal tinggi dan separuh rendah.

Manakala dalam BMkb, realisasi fonologinya adalah kewujudan vokal hadapan tinggi [i] yang kemudian disisipkan vokal hadapan rendah [a]. Dengan demikian, *benih* disebut [baniʔah].

- k. Konsonan geseran glotis tak bersuara [h] pada akhir kata yang didahului vokal depan separuh rendah [ɛ]

Di dalam BNS juga ditemui kata-kata yang diakhiri konsonan geseran glotis tak bersuara [h] tetapi didahului vokal depan separa rendah /ɛ/,¹⁵ seperti dalam [kipɛh] ‘kipas’. Dalam daftar kata uji, terdapat lima kata berciri ini dan 95% disebut dengan ciri ini oleh informan. Kata-kata berkenaan adalah seperti senarai di bawah. Sebagai bandingan, dalam sistem tulisan bahasa Melayu standard, kata-kata yang sedemikian diakhiri dengan [s] dan didahului vokal depan rendah [a]. Ciri fonologi yang serupa nampaknya turut berlaku dalam BMkb. Ini adalah persamaan kedua ciri fonologi antara dua bahasa ini.

BNS	BMkb	
bɔyɛh	bareh	‘beras’
kipɛh	kipɛh	‘kipas’
lakeh	lakeh	‘lekas’
lopeh	lapeh	‘lepas’
panɛh	panɛh	‘panas’

- l. Konsonan geseran glotis tak bersuara [h] pada akhir kata dengan sisipan separa vokal [y] didahului vokal belakang tinggi [u]

Satu lagi ciri fonologi yang menunjukkan keunikan dan identiti BNS berbanding BMkb adalah kehadiran konsonan geseran glotis tak bersuara [h] pada akhir kata dengan didahului sisipan separa vokal [y] dan vokal belakang tinggi [u], seperti dalam kata [yɔbu^h] ‘rebus’. Dalam daftar kata uji ada tiga kata kategori ini, dengan 100% (45 kali) disebut dengan ciri ini. Ini bermakna, ciri fonologi kata-kata kategori ini adalah realisasi konsonan geseran gigi gusi [s] di akhir kata yang didahului vokal belakang tinggi [u] dalam sistem tulisan bahasa Melayu standard. Berbeza dengan BMkb, walaupun konsonan geseran glotis tak bersuara [h] turut pada akhir kata-kata sebegini, tetapi ia didahului oleh diftong [ui].

BNS	BMkb	
yɔbu ^h	abuiah	‘rebus’
kuy ^h	kuruih	‘kurus’
tɔy ^h	taruih	‘terus’

- m. Konsonan geseran lelangit lembut bersuara [ɣ] di awal kata

Kajian ini turut menemui kewujudan konsonan geseran lelangit lembut bersuara [ɣ] di awal kata dalam BNS. Ada empat kata kategori ini dalam daftar uji, iaitu *ramai*, *rambut*, *ranting*, dan *rebus*. Ini bermakna, getaran gigi gusi [r] di awal kata dalam tulisan bahasa Melayu standard direalisasikan sebagai geseran lelangit lembut [ɣ] dalam bahasa ini. 100% (60 kali) penggunaan dalam ujian, informan menyebutkan [ɣ]. Berbeza dengan BMkb, bunyi pada kedudukan awal kata-kata tersebut direalisasikan sebagai getaran [r] juga.

BNS	BMkb	
yamay	rame	‘ramai’
yambot	rambui?	‘rambut’
yanteng	rantiang	‘ranting’
yɔbu ^h	abuiah	‘rebus’

- n. Ketakwujudan konsonan getaran gigi gusi [r] di akhir kata

Konsonan getaran gigi gusi [r] juga tidak ditemui di akhir kata dalam BNS. Ini bermaksud, kata-kata yang berakhir dengan bunyi getaran [r] dalam sistem tulisan bahasa Melayu standard, dalam BNS bunyi ini

wujud. Dalam daftar kata uji, ada 11 kata berkaitan dengan 98% (162 kemunculan) tidak menyebutkan bunyi getaran gigi gusi ini di akhir kata. Misalnya *tidur* disebut [tido].

Berbanding dengan BMkb, walaupun getaran [r] juga tidak wujud di kedudukan akhir kata, tetapi diakhiri dengan vokal depan rendah [a] dengan sisipan separuh vokal [w] atau [y] tertakluk bunyi vokal sebelumnya. Berikut adalah antara kata-kata dan sebutannya dalam kedua-dua bahasa.

BNS	BMkb	
ae	ai ^h a	‘air’
bɔsa	-na- (gadang)	‘besar’
bibe	bibi ^h a	‘bibir’
ɛko	iku ^h a	‘ekor’
lehe	li ^h ia	‘leher’
pase	pasi ^h a	‘pasir’

- o. Konsonan glotis [ʔ] di akhir kata yang didahului vokal depan separuh rendah [ɛ]

Kajian ini turut menemui kehadiran bunyi hentian glotis [ʔ] di akhir kata tertutup yang didahului vokal depan separuh rendah [ɛ], seperti dalam kata [ɔmpɛʔ] ‘empat’. Terdapat lima kata kategori ini dalam daftar uji, dengan kesemuanya atau 100% (75 kali) disebut dengan ciri ini. Secara bandingan, dalam sistem tulisan bahasa Melayu standard, kata-kata sebegini dieja dengan diakhiri oleh konsonan hentian gigi gusi [t] yang didahului vokal hadapan rendah [a]. Ciri fonologi yang sama juga berlaku pada BMkb. Ini menjadikan ciri fonologi ketiga yang sama bagi kedua-dua bahasa ini.

BNS	BMkb	
buleʔ	buleʔ	‘bulat’
capeʔ	capeʔ	‘cepat’
ɔmpɛʔ	ampeʔ	‘empat’
lompeʔ	lompeʔ	‘lompat’
sɔmpɛʔ	-na-	‘sempat’

- p. Kewujudan konsonan letupan gusi tak bersuara [t] di akhir kata yang didahului vokal depan separuh tinggi [e]

Satu lagi ciri fonologi unik bagi BNS berbanding BMkb ialah wujudnya konsonan letupan gusi tak bersuara [t] di akhir kata yang di hadapannya adalah vokal depan separuh tinggi [e]. Bagaimanapun, dalam daftar kata uji, hanya ada dua kata berciri sebegini, tetapi 100% disebut demikian. Ciri fonologi ini menyamai sistem tulisan bahasa Melayu

standard, tetapi bunyi yang mendahuluinya ialah vokal depan tinggi [i].

BNS	BMkb	
buket	buki?	'bukit'
kulet	kuli?	'kulit'

Sebaliknya, ciri ini tidak berlaku pada BMkb. Dalam bahasa ini, bunyi akhir sedemikian direalisasikan dengan glotis [ʔ] dan vokal yang mendepaninya pula adalah vokal hadapan tinggi [i].

- q. Ketakwujudan konsonan geseran glotis tak bersuara [h] di awal kata

Akhir sekali, kajian ini juga mendapati, BNS tidak memiliki bunyi konsonan geseran glotis tak suara [h] di awal kata sebagaimana sistem ejaan bahasa Melayu standard. Ada lima kata yang berciri begini di dalam daftar kata uji dan 92% dibunyikan sedemikian oleh informan. Ciri fonologi serupa didapati berlaku untuk BMkb juga. Ini menjadikan persamaan ciri fonologi yang keempat antara kedua-dua bahasa ini. Berikut adalah realisasi sebutan kata-kata berkenaan.

BNS	BMkb	
aboʔ	-na-	'habuk'
ati	ati	'hati'
idoŋ	iduʷaŋ	'hidung'
ijau	ijau	'hijau'
itam	itam	'hitam'


Berasaskan keseluruhan perbincangan ciri-ciri fonologi di atas, satu ciri yang sangat menonjol bagi BNS ialah ketakwujudan konsonan getaran gigi gusi [r] atau *rhotic*, sama ada di kedudukan awal, tengah, atau akhir kata. Di awal dan di tengah kata, ciri fonologi tersebut direalisasikan dengan geseran langit lembut [ɣ] dalam bahasa ini. Berbeza dengan BMkb, *rhotic* sangat dominan di awal dan tengah kata.

PERBINCANGAN

Daripada dapatan dan huraian di atas, jelas bahawa BNS memiliki ciri fonologi sendiri yang berbeza dengan ciri fonologi BMkb. Melalui 17 ciri fonologi unik yang dikenal pasti, 13 adalah berbeza dengan BMkb. Hanya empat ciri didapati sama. Ini bermakna 13 ciri itu adalah unik untuk BNS, dengan sembilan daripadanya adalah bunyi vokal dan empat ialah

konsonan. Ini membuktikan, 76 peratus bunyi yang diperhatikan adalah unik Negeri Sembilan serta tidak sama dengan BMkb. Hanya empat (24%) bunyi pada kedudukan yang sama didapati sepadan dengan sebutan BMkb, iaitu satu vokal dan tiga konsonan (Rajah 1). Fitur fonologi yang sama itu ialah kehadiran vokal depan separuh rendah [ɛ] di akhir kata tertutup, konsonan geseran glotis tak bersuara [h] pada akhir kata yang didahului vokal depan separuh rendah [ɛ], konsonan glotis [ʔ] di akhir kata yang didahului vokal depan separuh rendah [ɛ], dan ketakwujudan konsonan geseran glotis tak bersuara [h] di awal kata (Jadual 1). Sekali gus, dapat disimpulkan bahawa hipotesis pertama kajian ini diterima.

Selanjutnya, jika dibandingkan 17 ciri fonologi BNS tersebut dengan variasi bahasa Melayu Selatan Semenanjung Tanah Melayu yang meliputi Perak Selatan hingga Johor (Asmah 1985) dan bahasa standard, ternyata lebih banyak persamaan fonologi yang dikenal pasti. Sekurang-kurangnya sembilan ciri fonologi dikenal pasti mirip kelompok bahasa yang dikatakan Asmah (1985) itu. Rujuk lajur e, f, g, h, i, m, n, o, dan p Jadual 1. Ini sejajar dengan Reniwati (1990) yang walaupun pada awal menyatakan bahawa ada kesamaan fonem antara BMkb dengan BNS, tetapi pada akhirnya merumuskan BNS lebih mirip bahasa Melayu serta memiliki sistem fonem tersendiri yang tidak dijumpai dalam BMkb.



RAJAH 1. Status Keunikan Fonologi BNS berbanding BMkb

Bersandarkan dapatan tujuan pertama dan konsep di atas, kajian ini turut membuktikan bahawa secara sinkronis BNS kini adalah bebas imperialisme linguistik BMkb, khususnya daripada dimensi fonologi. Nilai 76% kelainan ciri fonologi yang diperlihatkan memperkukuhkan hakikat ini serta menunjukkan ketersendirian fonologi Negeri

Sembilan. Dapatan di atas nampaknya sejajar dengan pendekatan leksikostatistik yang dihasilkan oleh Dyen dalam meneliti skor hubungan antara dua variasi bahasa. Baginya, variasi bahasa yang memperlihatkan kognat kurang daripada 70% dianggap sebagai tergolong dalam dua bahasa yang berbeza (Elbert 1965). Berdasarkan nilai ambang oleh Dyen tersebut, nilai 76% yang diperoleh ini adalah tinggi untuk mensahihkan akan kebebasan imperialisme linguistik BNS daripada BMkb.

Berdasarkan dapatan dan rumusan di atas, dapatlah dikatakan bahawa BNS yang ada kini adalah evolusi bahasa¹⁶ penduduk asal Negeri Sembilan dengan bahasa pendatang Minangkabau, serta pengaruh bahasa Melayu Selatan Semenanjung (Asmah 1985), khususnya Melaka dan Johor (Hendon 1966: xiii). Jamaludin (1999) juga menyebut adanya pengaruh bahasa Siak (Sumatera) dalam intonasi dan sebutannya. Maksudnya, berlaku kontak dan ubah suai bahasa apabila berlakunya kontak manusia dan budaya. Menjadi lumrah manusia sebagai insan sosial yang normal akan saling kenal-mengenal dan bekerjasama dalam kehidupan mereka apabila bertemu. Interaksi awal melalui bahasa berlaku dalam bentuk *pidgin*, membawa kepada pembentukan *creol*,¹⁷ dan akhirnya terbentuk satu bahasa yang mempunyai penutur asli sendiri. Kaedah tersebut merupakan cara sesuatu bahasa boleh dijana dan dibentuk melalui kontak bahasa (Rickford & McWhorter 1997). Malah, menurut Hymes (1971: 79), pembentukan bahasa baru bukan sahaja kerana faktor lahirnya penutur natif, tetapi juga melalui peluasan peranan sosial bahasa berkenaan.

Ini bermakna, kalaupun dikatakan daripada segi sejarahnya sebahagian penduduk Negeri Sembilan berasal dari Minangkabau, tetapi setelah lebih 600 tahun, ditambah dengan keterpisahan dengan wilayah asal, asimilasi dan integrasi dengan penduduk asal serta wilayah sekitarnya, BNS bangkit dan membentuk identiti linguistik sendiri, khususnya fonologi. Dalam pandangan yang hampir sama, Jamaludin (1999) mengatakan bahawa orang Minangkabau telah 'dinegerisembilankan' oleh orang Rembau, dengan gagasannya, Negeri Sembilan bermula dan berpangkalan di Rembau.

PENUTUP

Kajian ini tidak menafikan bahawa penduduk Negeri Sembilan sebahagiannya mempunyai kaitan sejarah lampau dengan Minangkabau, Sumatera Barat

lantaran kedua-dua kawasan ini terletak dalam satu geobudaya yang hampir sama atau dinamakan serumpun dalam kepulauan Melayu (*Malay archipelago*). Lama sebelum ketibaan penjelajah asing, pergerakan penduduk dari sesuatu wilayah ke wilayah lain dalam kepulauan Melayu ini adalah perkara lazim. Selain itu, daripada segi penyebaran bahasa, BNS dan BMkb adalah daripada satu bahasa proto, iaitu Melayu (Nothofer 1988).

Bagaimanapun, ada empat faktor utama dalam kajian ini yang perlu diberi perhatian. Pertama, kawasan yang kini dikenali Negeri Sembilan, ada penduduk asal yang mempunyai bahasa sendiri yang merupakan kelompok Austronesia juga. Kedua, penghijrahan besar-besaran orang Minangkabau, Sumatera Barat menyebabkan berlaku kontak budaya antara penduduk asal dengan Minangkabau, selain kontak dengan wilayah sekitarnya, seperti Melaka, Johor dan Siak. Ketiga, adat perpatih dari Minangkabau diamalkan di Negeri Sembilan. Keempat, ekoran kontak budaya, berlaku juga kontak bahasa yang diikuti asimilasi dan evolusi dengan bahasa tempatan dan sekitarnya, yang akhirnya setelah beratus tahun memunculkan satu variasi bahasa Melayu yang dikenali BNS. Kajian ini telah menunjukkan bahawa BNS mempunyai ciri fonologi tersendiri. Sebahagian besar ciri berkenaan berbeza dengan bahasa yang sering dikaitkan dengannya, iaitu BMkb. Sekali gus, dapatan ini menunjukkan bahawa BNS adalah bebas imperialisme BMkb.

NOTA

- ¹ Pada masa sekarang, masih terdapat etnik Temuan di Malaysia. Etnik Temuan digolongkan oleh kerajaan sebagai orang asal dalam kategori Melayu-Proto (*Proto-Malay*). Mereka menuturkan bahasa Temuan, iaitu kelompok Austronesia yang mempunyai darjah salingfaham yang tinggi dengan bahasa Melayu (portal rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli, Malaysia – JAKOA) www.jakoa.gov.my (6 Januari 2016).
- ² Jamaludin (1999) juga menyebut suku Jakun.
- ³ Keturunan mereka sahaja yang layak dilantik sebagai Undang atau Penghulu luak. Malah, Undang empat luak utama, iaitu Sungei Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau pula berkuasa melantik Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (Nordin 1982).
- ⁴ Melaka dibuka sekitar 1403M dan menjadi empayar yang maju meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan sebahagian Sumatera serta menguasai perdagangan Selat Melaka. Empayar ini runtuh apabila jatuh ke tangan orang Portugis pada 1511 (Fitzgerald 1966).
- ⁵ Lihat perbincangan lanjut di bahagian berkenaan.

- 6 Jika dilihat nama 12 suku yang mendiami Negeri Sembilan kini, ada yang tidak dapat dikaitkan dengan Minangkabau pun, seperti suku Biduanda, Anak Acheh, dan anak Melaka (Nordin 1982). Tetapi sebagai pemastautin Negeri Sembilan mereka menggunakan BNS. Begitu juga dengan etnik Jawa, Bengkulu, dan Mandaling.
- 7 Berbanding pemerian lepas yang kebanyakannya menggunakan istilah ‘dialek’ Negeri Sembilan, kajian ini pula memanfaatkan istilah ‘bahasa’ Negeri Sembilan. Kami berpandangan, label ‘bahasa’ lebih bermaruah dan neutral digunakan kerana istilah ‘dialek’ berunsur ideologi merendah-merendah (Phillipson 1992). Lagi pun, yang dinamakan ‘dialek’ itu adalah bahasa juga, yang setara dan mempunyai fungsi yang sama dengan mana-mana bahasa masyarakat. Ini sejajar dengan pandangan Chambers & Trudgill (1980) bahawa tiada bahasa yang secara linguistik lebih hebat (*linguistically superior*) daripada bahasa lain, malah label ‘dialek’ yang digunakan oleh ahli linguistik adalah secara *ad hoc* sahaja.
- 8 Kerajaan Negeri Sembilan sendiri hanya terbentuk pada 1898 apabila Yamtuan Besar ditabalkan (Rahilah Omar & Nelmawarni 2008). Sebelum itu, pembesar-pembesar tempatan mentadbir wilayah (luak) masing-masing.
- 9 Makalah ini merupakan sebahagian daripada dapatan projek penyelidikan yang lebih luas, meliputi leksikal dan morfosintaks.
- 10 Dalam kajian sepenuhnya tiga gaya bahasa dimanfaatkan, iaitu gaya sebut daftar kata, uji leksikal, dan berbual. Pengamatan dalam tiga julat gaya bahasa penting bagi memastikan gelagat penggunaan sebenar diperoleh dalam konteks semi-formal, selain sahah (Labov 1972, Chambers & Trudgill 1980, Idris 2014).
- 11 Dari segi sejarah, gagasan imperialisme muncul pada abad ke-19 yang menyentuh soal order ekonomi dan matlamat luas *civilizing*. Tetapi versi kemudian tentang imperialisme turut dibincangkan dalam kerangka politik, sosial, dan dimensi eksploitasi ideologi yang dalam hal ini meliputi bahasa (Phillipson 1992).
- 12 Daripada literatur, ada juga peneliti yang mentranskripsikan dengan schwa atau [ə] untuk ciri bunyi sebegini, seperti [kampu^wəŋ] ‘kampung’ dan [idu^wəŋ] ‘hidung’. Lihat Reniwati (1990)
- 13 Lihat nota 12.
- 14 Setelah diamati, kata *pedih* pula disebut [pədeh], dan bukan [pədeh]. Ini adalah untuk membezakan makna kerana [pədeh] bermaksud *pedas*.
- 15 Daripada semakan literatur, ciri ini juga berlaku untuk vokal depan tutup [i], seperti dalam [bətih] *betis* dan [kudih] *kudis*. Tetapi sayangnya kata yang mempunyai ciri ini tiada dalam daftar kata uji.
- 16 Perkembangan sesuatu bahasa merentasi masa (Matthews 1997).
- 17 Peranan sosial pidgin terbatas dan digunakan untuk komunikasi terhad antara penutur dua atau lebih bahasa yang melakukan kontak yang berulang-ulang, misalnya untuk perdagangan, migrasi atau perhambaan. Pidgin selalunya menggabungkan unsur bahasa natif penutur yang lazimnya lebih mudah berbanding bahasa natif, memiliki kosa kata yang sedikit, kurang morfologi, dan terbatas daripada segi fonologi dan sintaksis. Manakala, kreol pula merupakan pidgin yang telah mempunyai penutur

natif, selalunya keturunan penutur pidgin yang membesar dengan menggunakan pidgin itu sebagai bahasa pertama mereka. Peranan sosialnya telah bertambah, memiliki kosa kata yang lebih banyak dan nahu yang lebih rumit (Rickford & McWhorter 1997).

RUJUKAN

- Abdullah Siddik. 1975. *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ajid Che Kob. 2002. Dialek Melayu Negeri Sembilan: beberapa aspek linguistik. Dlm. Mochtar Naim, Zulqaiyyim, Hasanuddin & Gusdi Sastera. *Menelusuri Jejak Melayu-Minangkabau*: 145-157. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia.
- Amat Juhari Moain. 2002. Hubungan Melayu-Minangkabau dari sudut sejarah, bahasa, sastera, budaya, dan masyarakat. Dlm. Mochtar Naim, Zulqaiyyim, Hasanuddin & Gusdi Sastera. *Menelusuri Jejak Melayu-Minangkabau*: 19-43. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia.
- Arbak Othman. 1994. Fonologi dialek Negeri Sembilan: satu teknik pengesanan kosa kata untuk teksikografi [*sic*] standard.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Dlm. A. Samad Idris, Nor Halim Ibrahim, Muhammad Tainu & Dharmala, NS. *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram, Adat Merentas Zaman*: 21. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan.
- Chambers, J.K. & Trudgill, P. 1980. *Dialectology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- De Jong, J.P.E. 1952. *Minangkabau and Negri Sembilan: Socio-Political Structure in Indonesia*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Elbert, S. H. 1965. Book reviews – The lexicostatistical classification of the Austronesian languages. Isidore Dyen. 1963. New Haven. *American Anthropologist* 67(1):153-154.
- Fitzgerald, C.P. 1966. *The Concise History of East Asia*. Hong Kong: Heinemann Educational Book Asia Ltd.
- Fromkin, V., Rodman, R. and Hyams, N. 2007. *An Introduction to Language*. Eighth edition. Boston: Thomson.
- Hendon, R.S. 1966. *The Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay (Kuala Pilah District, Negeri Sembilan, Malaya)*. New Haven: Yale University.
- Hymes, D. 1971. *On Communicative Competence*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Ibrahim Mustapa & Ibrahim Daud. 1990. Analisis dialek daerah Kuala Pilah daripada aspek fonologi. *Jurnal Dewan Bahasa*. Disember. 975-982.
- Idris Aman, Mohammad Fadzeli Jaafar & Norsimah Mat Awal. 2015. *Bahasa Negeri Sembilan: Keunikan, Sikap dan Kefahaman*. Bangi: Penerbit UKM.
- Idris Aman, Norsimah Mat Awal & Mohammad Fadzeli Jaafar. 2016. Imperialisme linguistik, bahasa Negeri Sembilan dan jati diri: apa, mengapa, bagaimana. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu-IMAN* 4(3): 3-11.
- Idris Aman. 2014. Dialek sosial. Dlm. Idris Aman & Mohammed Azlan Mis (pnyt.). *Variasi Bahasa*: 39-55. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.

- Jamaludin Samsudin. 1999. Dialek Negeri Sembilan – Satu Pandangan. *Warisan. Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Negeri Sembilan*. 22.
- Labov, W. 1972. *Sociolinguistics Patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Matthews, P. H. 1997. *Oxford Concise Dictionary of Linguistics*. Oxford & New York: Oxford University Press.
- Milroy, L. 1987. *Language and Social Networks*. 2nd edition. Oxford: Basil Blackwell.
- Mohd Faiz Burhanuddin. 1998. Kajian dialek Negeri Sembilan. *Warisan: Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan* 21: 54-67.
- Mohd Pilus Yunus. 1978. Bahasa Negeri Sembilan dan Dialek Umum Bahasa Melayu: Suatu Perbandingan dari Sudut Fonologi. *Dewan Bahasa* 8: 586-597.
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd.
- Norsimah Mat Awal & Nur Liyana Zulkffle. 2011. Pendeskripsian makna kata kerja aktiviti dialek Negeri Sembilan. *Symposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia ke-12 (SKIM XII)*. UKM Bangi.
- Norsimah Mat Awal, Mohammad Fadzeli Jaafar & Nur Liyana Zulkffle. 2014. Variasi semantik kata kerja perbuatan dalam dialek Negeri Sembilan. Dlm. Idris Aman & Mohammed Azlan Mis (Pnyt.). *Variasi Bahasa*. Bangi: Penerbit UKM.
- Nothofer, B. 1988. A discussion of two Austronesian subgroups: proto-Malay and proto-Malayic. *Rekonstruksi dan Cabang-Cabang Bahasa Melayu Induk*: 34-58. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Phillipson, R. 2010. *Linguistic Imperialism Continued*. New York: Routledge.
- Phillipson, R. 1992. *Linguistic Imperialism*. Oxford: OUP.
- Portal Rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Malaysia. 2016. www.jakoa.gov.my [6 Jan 2016]
- Rahilah Omar & Nelmawarni. 2008. Negeri Sembilan: Rantau Minangkabau di Semenanjung Tanah Melayu. *Historia: Journal of Historical Studies* IX(2): 2-30.
- Ramli Md. Salleh. 2002. Sintaksis dialek Negeri Sembilan. Dlm. Mochtar Naim, Zulqaiyyim, Hasanuddin & Gusdi Sastera. *Menelusuri Jejak Melayu-Minangkabau*: 139-144. Padang: Yayasan Citra Budaya Indonesia.
- Reniwati & Ab Razak Ab Karim. 2015. Kata sapaan separa rasmi dalam masyarakat Minangkabau di Kabupaten 50 Kota dan daerah Rembau: Suatu kajian perbandingan. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu-IMAN* 3(2): 63-70.
- Reniwati. 1990. Bahasa Minangkabau dan dialek Negeri Sembilan dalam perbandingan fonemis. *Andalas: Jurnal Penelitian dan Pengabdian pada Masyarakat*. Universitas Andalas 5(September): 74-83.
- Reniwati. 2012. Bahasa Minangkabau dan dialek Negeri Sembilan: satu tinjauan perbandingan linguistik historis komparatif. *Wacana Etnik: Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora* 3(1): 71-86.
- Rickford, J. R. dan McWhorter, J. 1997. Language contact and language generation: pidgin and creol. Dlm. Florian Coulmas. (Ed.). *The Handbook of Sociolinguistics*: 238-256. Oxford: Blackwell Publishers.
- Sharman Abu. 1973. Satu tinjauan ringkas tentang bunyi-bunyi vokal dalam dialek Negeri Sembilan. *Dewan Bahasa* (Disember): 559-566.
- Sharman Abu. 1974. Sistem bunyi konsonan dalam dialek Negeri Sembilan. *Dewan Bahasa* (Jun): 277-286.
- Swadesh list. en.wikipedia.org/wiki/Swadesh_list. [retrieved 21 Jan 2015]
- Trudgill, P. 1974. *The Social Differentiation of English in Norwich*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Winstedt, R.O. 1934. Negeri Sembilan: The History, Polity and Beliefs of the Nine States. *JMBRAS* 12(3) October: 35-111.
- Yeop Johari Yaakob. 1984. Analisis fonem bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan. *Dewan Bahasa* (Ogos): 506-528.
- Yeop Johari Yaakob. 1986. Pemakaian kosa kata bahasa Melayu dialek Negeri Sembilan dalam kehidupan masyarakat desa. *Dewan Bahasa* (September): 663-689.
- Yeop Johari Yaakob. 1994. Dialek Negeri Sembilan: satu lambang ciri budaya Negeri Sembilan. Dlm. A. Samad Idris, Nor Halim Ibrahim, Muhammad Tainu & Dharmala, NS. *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram, Adat Merentas Zaman*. Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan dan Kerajaan Negeri Sembilan. 21.
- Yule, G. 1996. *The Study of Language*. Second edition. Cambridge: Cambridge University Press.

PENGHARGAAN

Makalah ini hasilan penyelidikan FRGS/2/2014/SSI01/UKM/01/1 tajaan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berjudul Gagasan Imperialisme Linguistik dan Isu Jatidiri: Pengujian ke atas Dialek Negeri Sembilan (Disember 2014-November 2016).

Idris Aman (pengarang koresponden)
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
(idrisa@ukm.edu.my / wacana@live.com)

Mohammad Fadzeli Jaafar
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Norsimah Mat Awal
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Diserahkan: 15 Jun 2017
Diterima: 8 Januari 2018

LAMPIRAN A

Fokus Pemerian Lepas Tentang BNS

BNS: Pemerian/Kajian Lepas (N=25)			
Dimensi Linguistik		Dimensi Linguistik Ekstra	
Pemerian Khusus	Pemerian Bandingan	Pemerian Khusus	Pemerian Bandingan
<u>Umum:</u> Yeop Johari (1994), Mohd Faiz (1998), Jamaludin (1999)	<u>Dengan BMkb:</u> Reniwati (1990; 2012) Reniwati & Ab Razak (2015)	<u>Leksikal & Perubahan Sosial:</u> Idris et al (2014)	-na-
<u>Fonologi:</u> Hendon (1966), Sharman (1973; 1974), Mohd Pilus (1978), Yeop Johari (1984), Asmah (1985), Ibrahim & Ibrahim (1990), Arbak (1994), Ajid (2002)	<u>Dengan Bahasa Melayu Standard:</u> Mohd Pilus (1978)	<u>Bahasa & Budaya:</u> Yeop Johari (1989)	-na-
<u>Morfologi:</u> Hendon (1966)	-na-	<u>Bahasa & Sikap:</u> Idris et al (2015)	-na-
<u>Leksikal:</u> Yeop Johari (1986), Ajid (2002)	-na-		-na-
<u>Sintaksis:</u> Ramli (2002)	-na-		-na-
<u>Semantik:</u> Norsimah & Nur Liyana (2011), Norsimah et al (2014)	-na-		-na-
Bil: 18 (72%)	Bil: 4 (16%)	3 (12%)	0
Jumlah: 22 (88%)		3 (12%)	0

LAMPIRAN B

Senarai Kata

(berdasarkan senarai *Swadesh 1971* dengan inovasi*)

1	saya	21	anjing	41	hidung	61	lekas*	81	asap
2	awak	22	kelat*	42	mulut	62	bunuh	82	api
3	kita	23	pokok	43	gigi	63	berenang	83	habuk
4	rebus*	24	benih	44	bibir*	64	terbang	84	bakar
5	itu	25	daun	45	jari*	65	gantung*	85	lorong
6	siapa	26	akar	46	kipas*	66	datang	86	bukit
7	apa	27	ranting*	47	lutut	67	baring	87	merah
8	kampong*	28	kulit	48	kurus*	68	duduk	88	hijau
9	semua	29	daging	49	perut	69	berdiri	89	kuning
10	ramai	30	darah	50	leher	70	beri	90	putih
11	dua	31	tulang	51	sempat*	71	sebut	91	hitam
12	empat*	32	lemak	52	jantung	72	matahari	92	lompat*
13	besar	33	telur	53	hati	73	bulan	93	panas
14	panjang	34	tanduk	54	minum	74	bintang	94	sejuk
15	kecil	35	ekor	55	lemang*	75	air	95	penuh
16	perempuan	36	beras*	56	gigit	76	hujan	96	baru
17	lelaki	37	rambut	57	lihat	77	terus*	97	bagus
18	orang	38	kepala	58	dengar	78	pasir	98	bulat
19	cepat*	39	lepas*	59	tahu	79	tanah	99	kering
20	burung	40	mata	60	tidur	80	junjung*	100	nama

